

# BERHENTI JIKA MAHU BERNIAGA

11M 2 - SEP 1981

**KUALA LUMPUR 2 Sept. —** Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan semua ahli Majlis Mesyuarat Negeri (EXCO) bahawa mereka mesti berhenti dari melibatkan diri dalam sebarang kegiatan perniagaan peribadi sekiranya mereka mahu terus berkhidmat dalam kerajaan.

"Mereka yang masih bergiat dalam perniagaan hanya diberi satu pilihan sahaja — sama ada berhenti melibatkan diri dalam perniagaan untuk terus berkhidmat dalam kerajaan atau sebaliknya, dan tidak ada pilihan lain," tegas beliau.

Perdana Menteri menegaskan bahawa Kerajaan Pusat tidak akan bertolak ansur mengenai perkara ini dalam menentukan peraturan yang mewajibkan semua ahli Exco bekerja sepenuh masa itu dipatuhi.

Bercakap dalam satu sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan kabinetnya di Jabatan Perdana Menteri di sini pagi ini, Datuk Sri Dr. Mahathir juga mengumumkan perkara-perkara berikut:

"Tetapi selaras dengan kehendak kerajaan menghendaki mereka bekerja sepenuh masa, kerajaan telah memberi gaji baru dan kemudahan tambahan supaya mereka tidak payah bergantung pendapatan dari sumber lain," katanya.

Beliau memberitahu tujuan utama kerajaan mengarahkan mereka bekerja sepenuh masa dan berhenti bergiat dalam perniagaan supaya tidak timbul sebarang pertentangan kepentingan dalam menjalankan tugas mereka.

"Ini adalah sejajar dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan sebuah pentadbiran yang bersih dan sihat," tegasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata mereka diwajibkan berhenti dari melibatkan diri dalam sebarang perniagaan, kecuali memegang jawatan lain yang hanya

keluarkan oleh Kerajaan Pusat kepada kerajaan-kerajaan negeri.

"Ia perlu dikuatkuasakan oleh kerajaan-kerajaan negeri sendiri kerana segala pembayaran gaji dan penyediaan kemudahan dikendalikan olehnya sendiri," katanya.

Di bawah arahan peraturan itu semua ahli Exco telah diberi tempoh setahun mulai 31 Julai tahun lalu untuk bekerja sepenuh masa dan berhenti dari melibatkan diri bergiat dalam bidang perniagaan.

Ditanya tentang penyalatan yang dijalankan oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara ke atas laporan Juru Audit Negara, Datuk Sri Dr. Mahathir memberi jaminan kerajaan akan memberi perhatian berat ke atas perakuan-perakuan yang dibuat oleh jawatankuasa kelak.

Katanya: "Saya berhajat melihat perakuan

101  
rang pengisytiharan harta itu Datuk Sri Dr. Mahathir berkata:

"Kerajaan tidak membuat semuanya ini cuma main-main, kita ada jentera untuk membuat pemeriksaan ke atas harta mereka yang berkenaan jika keadaan memerlukan."

Beliau juga memberitahu mereka yang terlibat dalam peraturan itu akan dikehendaki mengangkat sumpah di depan Pesuruhjaya Sumpah dalam mengemukakan borang-borang pengisytiharan harta mereka bila ia dikuatkuasakan kelak.

Mengenai pasaran saham, Datuk Sri Dr. Ma-

hathir berkata, kerajaan memang menyedari mengenai kejatuhannya dan memandang berat terhadap perkara itu kerana pada pendapat kerajaan tidak ada sebab ia harus berlaku.

Beliau menegaskan

• Kerajaan tetap akan memberikan perhatian berat dan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya terhadap syor-syor yang akan dikemukakan oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara yang memulakan penyiasatannya hari ini berhubung dengan Laporan Ketua Audit Negara baru-baru ini.

## Perhatian berat

"Saya berhajat untuk melihat segala syor yang dikemukakan oleh jawatankuasa itu nanti dilaksanakan seberapa yang boleh," kata beliau.

• Kerajaan juga akan meminda Akta Keselamatan Perusahaan 1973 untuk memberikan kuasa-kuasa tertentu kepada kerajaan bagi membolehkannya campur tangan dalam urusan Pasaran Saham Kuala Lumpur.

Ini adalah untuk membenteraskan sebarang spekulasi yang melampau hingga menjejaskan keadaan pasaran saham negara keseluruhannya dan mewujudkan suatu suasana yang stabil dan terjamin.

Datuk Sri Dr. Mahathir telah ditanya oleh para wartawan berhubung dengan laporan adanya kalangan ahli Exco yang mengancam hendak meletak jawatan jika peraturan itu dikuatkuasakan.

Perdana Menteri berkata: "Jika mereka yang dimaksudkan itu ingin meletakkan jawatan, mereka boleh berbuat demikian dan kerajaan tidak akan menghalang."

Beliau menjelaskan kerajaan telah mengeluarkan arahan mengenai peraturan ahli Exco bekerja sepenuh masa itu selepas mereka diberi gaji baru yang lebih tinggi serta kemudahan-kemudahan seperti kereta dan pejabat sendiri.

Katanya, "ini adalah bertujuan untuk menambah pendapatan dan kemudahan mereka dalam menjalankan tugas sepenuh masa supaya tidak menghadapi kesulitan dari segi kewangan dan lain-lain."

"Jadi dengan ganjaran yang diberikan itu tidak ada sebab mengapa mereka harus terus melibatkan diri dalam perniagaan."

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata sebelum peraturan itu dikeluarkan, ahli Exco dibenarkan menjalankan perniagaan kerana pendapatan mereka ketika itu tidak cukup

ada kaitan dengan kerajaan.

"Misalnya memegang jawatan dalam perbadanan-perbadanan kemajuan negeri dan sebagainya," katanya.

Menjawab satu soalan lain Perdana Menteri memberitahu di bawah peraturan ini kerajaan membenarkan ahli Exco yang ada kepentingan perniagaan memindahkannya kepada anak, isteri dan kaum keluarganya.

"Bagaimanapun kerajaan tidaklah menggalakkan perkara ini, jika ia melibatkan terlalu banyak kepentingan perniagaan dari pertentangan kepentingan akan timbul juga," katanya.

Kepada satu soalan lain Perdana Menteri memberitahu kerajaan tidak bercadang untuk membaharui arahan mengenai peraturan itu.

Katanya, "arahan itu telah lama dikeluarkan, saya tidak bercadang membaharui."

"Apa yang saya ingin tahu sekarang, ialah siapa yang hendak mematuhi dan siapa tidak."

Ditanya tentang tindakan yang akan diambil ke atas ahli Exco yang enggan mematuhi, Perdana Menteri hanya berkata, "tunggulah nanti."

Datuk Sri Dr. Mahathir juga memberitahu bahawa peraturan ini sebenarnya merupakan satu arahan yang di-

yang dikemukakan oleh jawatankuasa itu yang boleh dilaksanakan akan dilaksanakan."

Di samping itu, tambahnya, kerajaan juga akan mengambil perhatian berhubung dengan tindakan terhadap perkara yang dibuat oleh Juru Audit Negara sendiri.

Bagaimanapun Datuk Sri Dr. Mahathir berkata beliau tidak mahu berjanji mengenai tindakan-tindakan yang akan diambil dan bila semua masalah berhubung dengan perkara tersebut dapat diselesaikan. Perdana Menteri mengulangi kenyataannya supaya memberi kerajaan baru tempoh setahun untuk membuktikan hasratnya untuk mewujudkan sebuah kerajaan yang licin dan bersih.

"Kita lihatlah nanti sama ada kerajaan mengambil tindakan atau tidak ke atas mereka yang membuat kesalahannya," katanya.

Menyentuh tentang pengisytiharan harta yang dikenakan ke atas menteri, timbalan menteri, Exco dan para pegawai tinggi kerajaan, beliau memberitahu ianya belum dilaksanakan lagi kerana borang berkenaan belum siap lagi.

Ditanya mengenai sebuah badan khas yang akan dibentuk memastikan segala keterangan yang diberi dalam bo-

bahawa keadaan itu tidak ada kena mengena dengan suasana pelaburan di negara ini, tetapi sebaliknya berpunca dari spekulasi yang melampau oleh setengah pihak.

"Kerajaan merasakan ada pihak-pihak tertentu yang sengaja membuat spekulasi yang terlalu banyak semata-mata untuk mendapatkan ke-

kayaan tanpa memperdulikan nasib para pelabur kecil," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, tidak ada sebab mengapa harga pasaran saham boleh jatuh ke paras begitu rendah kerana syarikat-syarikat yang berkenaan berjalan dengan baik dan terus berkembang.

Ditanya sama ada kerajaan mengetahui pihak-pihak yang bertanggungjawab di atas spekulasi itu, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, "kami memang ada mengesyaki pihak-pihak tertentu."

Kerana itulah kata beliau, kerajaan ter-

paksa mengadakan satu undang-undang yang lebih keras berhubung dengan urusan pasaran saham itu. Kerajaan memang sudah mengkaji undang-undang yang ada sekarang sejak beberapa lama dan berpendapat ia harus dipinda.

Beliau tidak memberi butir-butir lanjut mengenai pindaan itu kecuali menyebut bahawa ia akan memberikan kuasa kepada kerajaan untuk mengawalinya.

Pindaan itu sekarang ini masih belum siap untuk mendapatkan kelulusan Parlimen, tambah beliau.